



Galakan Berfikir

Daripada Abu Zar RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَفَكَّرُوا فِي خَلْقِ اللَّهِ، وَلَا تَفَكَّرُوا فِي اللَّهِ فَتَهْلِكُوا

Maksudnya: “Berfikirilah kamu berkenaan makhluk Allah dan jangan kamu berfikir berkenaan Allah nescaya kamu binasa.”

Riwayat Abu al-Syeikh dalam kitab *al-A'zamah* dan *al-Manawi* dalam *Faidh al-Qadir* (3/262-263).
Hadis hasan dengan jalan dan syawahidnya.

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Keistimewaan ciptaan Allah yang membezakan manusia dengan haiwan ialah akal yang membolehkan manusia berfikir dan mendapat hidayah ke arah yang benar dan betul dengan taufik Allah SWT. Berfikir adalah aktiviti menggunakan maklumat yang sedia ada dan diketahui untuk mengenali hakikat sesuatu yang belum diketahui. Selagi maklumat tersebut menepati syarat yang benar, selagi itulah ia menghasilkan natijah yang baik.
2. Adapun maklumat dan pengetahuan itu benar dan tepat ia akan mendorong seseorang ke arah keperibadian yang mulia dan beramal soleh yang membawa mereka ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.
3. Manusia ialah makhluk yang tidak boleh dikuasai dengan paksaan sematamata. Sebaliknya, mereka boleh dibentuk dan dipimpin melalui pemikiran dan prinsip nilai dan harga diri. Justeru, apabila manusia mengamalkan nilai-nilai tersebut maka seluruh tingkah laku dan akhlak mereka menjadi cemerlang.

4. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, *berfikir* ialah menggunakan akal untuk menyelesaikan sesuatu mempertimbangkan baik-baik dan sebagainya.
5. Islam menggalakkan umatnya menggunakan akal fikiran untuk mencapai kepada matlamat kehidupan yang lebih baik dengan menggunakan fikiran yang bernas bersumberkan wahyu Ilahi dan petunjuk Nabi. Begitu juga pengalaman orang-orang soleh sudah tentu dapat menyelesaikan banyak kemelut kehidupan.
6. Bukan sekadar itu sahaja, tetapi ianya boleh melonjakkan seseorang untuk merentasi masa dan kemajuan tamadun dengan pantas. Ini bermula dengan fikiran dan langkah yang pertama akan dapat melahirkan dan merealisasikan perkara yang dianggap mustahil pada hukum adat. Itulah kekuatan fikiran.
7. Abu Laith berkata: Jika seseorang ingin mencapai fadilat tafakur, maka hendaklah berfikir dalam lima cara.

Pertama: Memikirkan ayat-ayat yang membuktikan kebesaran dan kekuasaan Allah.

Kedua: Memikirkan nikmat pemberian Allah.

Ketiga: Memikirkan pahala yang dijanjikan oleh Allah.

Keempat: Memikirkan seksaan hukuman Allah.

Kelima: Memikirkan apa yang diredai dan dimurkai oleh Allah.

8. Adapun memikirkan ayat-ayat tentang kekuasaan Allah, dalam menciptakan langit dan bumi, terbit dan terbenamnya matahari, silih bergantinya malam dan siang serta kejadian manusia itu sendiri sebagaimana firman Allah SWT:


 وَفِي الْأَرْضِ آيَاتٌ لِلْمُوقِنِينَ ﴿٢٠﴾ وَفِي أَنْفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: Dan di bumi bukti-bukti kebesaran dan kekuasaan Allah bagi orang yang yakin. Pada dirimu sendiri tidakkah kamu melihat?

(Surah al-Zariyat: 20-21)

9. Apabila seseorang memikirkan tentang bukti-bukti kebesaran tersebut akan bertambah dekat dan yakin. Adapun memikirkan nikmat-nikmat kurniaan Allah yang bernama *Ala Nikmat* yang batin dan nikmat iaitu nikmat-nikmat yang lahir atau sebaliknya. Contohnya, kedua tangan termasuk *ala*, sedangkan kekuatan tangan termasuk *na'ma* iaitu nikmat-nikmat yang lahir atau sebaliknya. Contohnya *na'ma* iaitu nikmat-nikmat yang lahir atau sebaliknya. Kecantikan itu *na'ma* dan muka itu *ala*, mulut *ala* dan rasanya itu *na'ma*. Kaki *ala* dan kekuatan berjalan *na'ma*.
10. Ada juga pendapat: *Ala* itu tibanya nikmat, dan *na'ma* itu terhindarnya bala. Firman Allah yang bermaksud: “*Jika kamu akan menghitung nikmat Allah nescaya tidak terhitung.*” Maka apabila seorang memikirkan nikmat-nikmat Allah akan timbul rasa cinta kepada para walinya, maka memikirkan yang demikian menambah kerajinan, ketangkasan beribadat dan taat. Adapun memikirkan azab yang telah diperingatkan Allah pada orang-orang yang kafir, maka itu akan menimbulkan rasa takut sehingga lebih ringan untuk meninggalkan segala larangan Allah.
11. Adapun kebaikan Allah ketika menutupi dosa-dosanya dan tidak terburu-buru menyeksa, bahkan masih tetap dipanggil supaya bertaubat, maka memikirkan yang demikian ini menimbulkan rasa malu pada Allah SWT. Apabila seorang memikirkan yang lima ini, maka ia termasuk dari golongan orang yang disebut dalam hadis Nabi SAW: “*Berfikir sesaat lebih afdal dari ibadat satu tahun. Dan jangan berfikir selain yang tersebut itu, kerana timbulnya fikiran pada yang lain-lain itu hanya berupa was-was belaka.*”
12. Apabila fikiran manusia berkembang ianya menyebabkan daya tafakur manusia berkembang sama. Oleh itu, wujud kepelbagaian dalam kejadian dan kehidupan. Manusia cenderung mengambil perspektif dalam berfikir.
13. Daya tafakur menyebabkan manusia bersikap kreatif dan kreativiti manusia melakukan rekaan dan gubahan menyebabkan fikirannya berkembang dan memberi manfaat kepada yang lain. Sekiranya fikiran manusia membeku tidak akan ada kemajuan dan perubahan dan ianya menyebabkan pemikiran menjadi beku dan kadang-kadang jumud.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Berfikirlah tentang kejayaan kamu, tentang hasil pekerjaan kamu, dan tentang kebaikan apa yang telah kamu baktikan kepada orang lain. Kemudian bergembiralah dengan semua itu, dan bersyukurlah kepada Allah. Hal seperti ini akan membuat hati anda terasa lapang.
- ❖ **Pujangga berkata:** Bintang planet itu beredar dan berputar, malam-malam itu mengundang, dan hari-hari sentiasa berganti. Sebab itu, sangat tidak mungkin satu keadaan akan tetap tidak berubah, sedangkan yang Maha Penyayang setiap harinya selalu berkepentingan dengan makhluk-Nya. Mengapa perlu merasa takut.

Kisah Teladan

Perhatikanlah keanehan-keanehan ciptaan Allah di alam semesta, nescaya akan mengetahui hal-hal yang menakjubkan, dan akan merasa bahawa keresahan dan kebimbangan itu akan lenyap. Ini kerana jiwa manusia sangat senang terhadap sesuatu yang aneh dan asing. Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan dari Jabir bin Abdullah R.Anhuma katanya: Baginda Rasulullah mengutuskan kami sebagai pasukan dan menjadikan Abu Ubaidah RA sebagai pimpinan kami untuk menghadapi orang-orang Quraisy. Kami dibekali bungkusan yang berisi kurma sebab hanya itu yang ada. Abu Ubaidah membahagikan kurma itu satu persatu kepada kami.

Lantas saya bertanya kepadanya: Bagaimana kamu membahagi kurma-kurma itu? Abu Ubaidah menjawab: Kami menyedutnya seperti bayi sedang menyusu. Kemudian kami minum air lebihan rendaman kurma itu. Sebiji kurma cukup sebagai makanan kami dari siang hingga malam. Dan kami memukulkan tongkat kami untuk menjatuhkan daun-daun dari pohonnya, lalu kami basahkannya dan memakannya.

Kemudian kami bertolak ke pantai. Tiba-tiba kami melihat sesuatu yang sebesar bukit pasir yang besar. Kami pun menghampirinya. Ternyata ia adalah

seekor binatang laut yang disebut *anbar*. Abu Ubaidah berkata: Ia adalah bangkai. Kemudian Abu Ubaidah berkata lagi: Tidak mengapa. Kita adalah utusan Baginda Rasul yang berada di jalan Allah dan senang dalam keadaan terpaksa. Makanlah.

Kami tinggal di tempat itu selama sebulan, dan jumlah kami ketika itu adalah tiga ratus orang. Kerana sering makan daging, menjadikan kami gemuk. Kami mengambil minyak dari rongga matanya dengan menggunakan tempayan besar. Kemudian kami memotong daging sebesar lembu jantan. Lantas Abu Ubaidah menyuruh tiga belas orang dari kami untuk didudukkan di dalam rongga mata *anbar*.

Kemudian dia mengambil salah satu rusuknya dan dia tegakkan. Abu Ubaidah pun mengambil unta yang paling besar dan melihat kepada orang yang paling tinggi di antara kami, lalu disuruhnya orang itu menaiki unta itu, dan ternyata unta itu boleh melenggang di bawah tulang rusuk yang ditegakkan itu.

Kami juga membuat dinding darinya sebagai bekalan kami. Apabila kami sampai di Madinah, kami langsung menemui Baginda Rasul dan berkata dan menceritakan apa yang berlaku. Baginda pun berkata: Ini adalah rezeki yang Allah keluarkan untuk kamu. Adakah kamu membawa dagingnya sedikit supaya kami dapat merasa? Lantas kamu kirimkan daging itu kepada baginda dan baginda pun memakannya. Firman Allah SWT:

قَالَ رَبُّنَا الَّذِي أَعْطَى كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُ ثُمَّ هَدَىٰ

Maksudnya: Tuhan kami ialah yang telah memberi kepada tiap-tiap sesuatu, kejadian semulajadinya yang sesuai dengannya, kemudian ia memberi petunjuk kepadanya.

(Surah Taha: 50)